



Kampus baru Kolej IACT yang kini berpusat di Jalan Universiti, Jaya One menawarkan pelbagai kursus dalam bidang Pengiklanan dan Komunikasi.

Selangkah di hadapan di Kolej IACT

DALAM suasana pengambilan pekerja yang mencabar ketika ini, adalah amat penting bagi para graduan untuk menyerlahkan kebolehan yang ada dan bukan sekadar bergantung kepada kelayakan akademik semata-mata. Dengan kemunculan arus globalisasi, para majikan berkehendakkan individu yang dinamik, berkemahiran dan berpengetahuan. Cabaran untuk melatih individu bagi memenuhi kriteria majikan telah lama diusahakan oleh Kolej IACT.

Kursus Diploma Periklanan dan Komunikasi Pemasaran yang ditawarkan di IACT bertujuan untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan latihan praktikal bagi mereka yang berhasrat untuk menceburi bidang pengiklanan dan komunikasi pemasaran. Dari Perhubungan Awam ke Pengurusan Acara dan ke media, pelajar akan menimba bukan sahaja pengetahuan teori malahan juga mempraktikkan apa yang dipelajari di dalam industri pengiklanan dan komunikasi pemasaran. Kursus selama dua setengah tahun ini menawarkan tiga bidang jurusan pilihan utama iaitu Integrasi Komunikasi Pemasaran, Multimedia dan Komunikasi Visual.

Selain daripada Diploma Periklanan, IACT juga menawarkan Diploma Reka Bentuk Grafik dan Diploma Multimedia Kreatif. Diploma Reka Bentuk Grafik selama tiga tahun ini memberikan fokus kepada perkembangan konsep, pemikiran strategik dan proses kreatif komunikasi visual. Para pelajar akan dilatih mengenai typografi, media cetak, pakej, jenama, identiti dan grafik. Mereka juga akan dibimbing untuk mentafsirkan idea dan informasi bukan sahaja melalui kaedah biasa tetapi juga dengan kebolehan untuk berfikir secara strategik berkaitan tentang rekaan dan pemasaran. Selain itu, mereka akan mempelajari kaedah menyelesaikan masalah secara kreatif dan mampu mengupas mesej yang ingin disampaikan oleh klien kepada umum dengan efektif, imaginatif dan berkesan melalui pelbagai media.

Diploma Multimedia Kreatif di IACT pula direka bertujuan menyediakan pelajar untuk karier di dalam bidang multimedia dan industri-industri yang memerlukan penggunaan kemahiran terkini media digital. Program selama dua setengah tahun ini menawarkan asas yang kukuh dalam pelbagai aspek multimedia digital dan penekanan kepada kreativiti daya cipta dan penggunaan media baru. Ia menampilkan gabungan fungsi kerja dan eksperimentasi menggunakan pelbagai peralatan media. Dengan itu, ianya ideal bagi pelajar yang inginkan kelayakan bersepadu yang menggabungkan visual dan aplikasi multimedia interaktif di samping penerokaan konsep rekaan multimedia, aplikasi dan proses.

Selain itu, Kolej IACT juga menawarkan Diploma Komunikasi Massa iaitu suatu kursus di mana pelajar akan diperkenalkan tentang Komunikasi Massa secara teori dan praktikal melalui pembelajaran berstruktur. Pelajar akan dapat meningkatkan pengetahuan profesional dan kemahiran komunikasi yang amat diperlukan untuk membina karier di dalam Perhubungan Awam dan Pengurusan Acara, Penulisan Kreatif, Media Massa, Komunikasi Perniagaan dan Organisasi dan lain-lain yang berkaitan.

Diploma Komunikasi Massa pula menawarkan lima jurusan pilihan iaitu Penulisan Kreatif, Komunikasi Perniagaan dan Organisasi, Perhubungan Awam dan Pengurusan Acara, Penyiaran dan Produksi Media dan juga Kewartawanan.

Melalui kesemua kursus yang ditawarkan di Kolej IACT, para pelajar akan ditawarkan sendiri pengalaman bekerja menerusi projek dan tugas yang dibentangkan untuk klien dari syarikat-syarikat antarabangsa dan tempatan. Selain daripada itu, semua pelajar juga perlu melalui latihan praktikal selama tiga bulan yang bertujuan untuk membantu pelajar meningkatkan daya saing mereka di dalam pasaran kerja.

Kolej IACT yang dikenali sebagai pakar di dalam bidang pengiklanan dan komunikasi visual, telah ditubuhkan oleh Malaysian Advertisers' Association (MAA) dan Association of Accredited Advertising Agents Malaysia (4As). IACT adalah satu-satunya kolej yang telah diakreditasi oleh International Advertising Association (IAA) di New York, iaitu sebuah organisasi antarabangsa yang mewakili kepentingan para pengiklan, agensi-agensy periklanan dan media. Melalui sokongan kuat daripada pihak industri, IACT mampu membawa para profesional yang berpengalaman luas dalam bidang pengiklanan dan komunikasi sebagai tenaga pengajar. Para pensyarah ini yang merupakan pakar dalam bidang Pengiklanan, Perancangan Media, Pengurusan Akaun (klien), Penulisan Iklan, Rekaan Grafik Dan Multimedia akan membawa bersama pengalaman, kemahiran dan wawasan mereka ke alam pembelajaran.

Para graduan dalam Kursus Diploma di Kolej IACT akan mempunyai akses untuk menyambung Ijazah mereka selama satu hingga satu setengah tahun di Universiti - Universiti yang bergabung dengan Kolej IACT di Amerika, Australia, United Kingdom dan New Zealand.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Kolej IACT di www.iact.edu.my atau hubungi 03-7956 0211. (Hari Terbuka Kampus, 27 dan 28 Mac 2010 10.00, pagi - 4.00 petang).



Pengalaman bekerja menerusi projek yang diberi dan tugas untuk klien dapat memberi keyakinan kepada pelajar IACT dalam menempuh 'dunia sebenar'.